

Angkasakan tama Melayu - Najib

SINAR 6.11.2007 MS 5

Bangsa Melayu yang sudah sekian lama 'berkampung di hulu dan membumi di darat' perlu menerokai proses pengantarabangsaan dan pengangkasaan yang kini sudah sampai ke tahap kedua-dua saranan berkenaan.

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, bangsa Melayu perlu meneruskan perjuangan ke arah mengangkasa dan mengantarabangsakan tamadun bangsa.

Timbalan Presiden UMNO berkata, langkah itu bertujuan mengemilangkan atau memartabatkan sesuatu daripada apa yang sudah dicapai ke tahap yang lebih tinggi dalam persaingan global kini.

Katanya, bangsa Melayu yang sudah sekian lama 'berkampung di hulu dan membumi di darat' perlu menerokai proses pengantarabangsaan dan pengangkasaan yang kini sudah sampai ke tahap kedua-dua saranan berkenaan.

Najib yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, 'Bangsa Angkasa' atau 'space nation' sentiasa mempunyai impian tertinggi dan mempunyai tamadun yang hebat dengan hasrat pada satu ketika kelak peradaban yang dibina mampu mencapai tahap terbilang, setinggi dan seluas angkasa selain menjadi rujukan dan tanda aras kepada seluruh dunia.

"Dalam persaingan global sekarang ini tidak cukup dengan mengantarabangsakan Melayu. Oleh itu, tamadun bangsa Melayu dan bangsa Malaysia akan terus kita angkasakan. Semuanya bermula dengan impian besar, impian yang kini semakin menjadi realiti.

"Kita perlu menggali sains dan teknologi, memiliki pengetahuan dan

kemahiran, menguasai pelbagai bahasa, menjana ilmu, mengukuhkan iman, berbudaya cemerlang dan bercita-cita setinggi angkasa," katanya.

Najib berkata demikian ketika merasmikan serentak Perhimpunan Agung Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang membawa tema "Mengangkasa Tamadun Bangsa".

Beliau berkata, istilah 'mengangkasa' yang dimaksudkan ialah suatu pencapaian setinggi mungkin yang dijadikan wawasan dan bukan sekadar terbang ke angkasa atau naik ke langit, tetapi melambangkan usaha sehabis baik untuk menjadikan impian yang dianggap mustahil dapat menjadi realiti pada suatu masa nanti.

Pada masa ini katanya, orang Melayu berada pada satu tahap dan seharusnya pada hari esok dan lusa, tamadun setinggi angkasa itu sepatutnya sudah berada di depan mata.

Beliau berkata, perancangan seterusnya memerlukan "peta jalan dan batu tanda" yang hebat dan pelaksanaan yang cepak bagi memastikan kegemilangan.

Najib berkata, untuk mengangkasa tamadun bangsa, lima teras diperlukan iaitu bangsa global yang berminda kelas pertama sebagai peneraju, ilmu dan pendidikan sebagai landasan pembinaan, agama dan budaya sebagai asas peradaban, pertumbuhan dan pengagihan ekonomi sebagai kekuatan dan kestabilan politik sebagai prasyarat.

"Memiliki sejarah peradaban yang gemilang itu penting, tetapi yang lebih utama ialah zaman ini dan akan datang itu mestilah lebih gemilang. Nostalgia warisan lepas adalah untuk teladan dan sempadan," katanya.

Mengungkap kembali

ucapannya pada majlis sama tahun 2005, Najib berkata, Melayu Global iaitu yang berakar nasional dan berakar internasional adalah satu dimensi baru yang menuntut lonjakan ke hadapan dengan memperkukuhkan daya saing untuk berlumba menjadi yang terbaik di pentas dunia dalam pengantarabangsaan tamadun bangsa.

Katanya, apa yang paling penting untuk menjadi Melayu Global ialah melalui minda yang diasah dan diasuh dengan sempurna, bermula daripada otak yang sihat yang membentuk minda, akal dan pemikiran yang merupakan kunci untuk membuka pintu kejayaan.

"Jika kita ingin maju, gunakanlah kapasiti minda ke tahap maksimum untuk bertarung di gelanggang dunia. Sesungguhnya, pertarungan pada masa kini dan masa hadapan merupakan pertarungan minda," katanya.

Katanya, peristiwa Israk Mikraj di mana Nabi Muhammad s.a.w diangkat Allah SWT ke langit Sidratul Muntaha, sewajarnya mempesona imaginasi dunia, untuk meneroka sesuatu yang belum terfikir oleh manusia.

Sebagai contoh literal maksud mengangkasa tamadun bangsa, Najib berkata, tepat pada 9.21 malam, 10 Oktober 2007 lepas seluruh negara dan dunia Islam seharusnya bergembira kerana dikurniakan seorang angkasawan, Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha



Percayalah pada maju. Percayalah berjaya. Kita boleh mencapai apa sahaja. Syarat utamanya ialah pendidikan.

■ Datuk Seri Najib Tun Razak

ndun bangsa

Sinar
harini

Lebih laporan
Nasional &
Global
setiap hari



Najib bersama Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Presiden UMNO menerima Jalur Gemilang yang disampaikan angkasawan negara Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha dan Mejar Dr Faiz Khaleed sebelum menyampaikan amanat kepada para perwakilan yang menghadiri Perhimpunan Agung UMNO 2007 di PWTC semalam.

Katanya, Dr Sheikh Muszaphar disifatkan berjaya sebagai angkasawan meneroka alam ciptaan Tuhan, mengharumkan nama Malaysia dan menjadi orang Melayu Islam pertama berada dalam bulan Ramadan dan Syawal di angkasa lepas.

"Kita akan terus melangkah ke era penerokaan baru untuk memahami ilmu dan teknologi aeroangkasa. Usaha ini bukan sekadar menghantar seorang angkasawan, tetapi adalah simbol impian satu bangsa yang boleh mencapai kejayaan setinggi bintang," katanya.

Kata Najib, kejayaan ini juga memberi semangat bahawa sebenarnya anak Melayu, anak Malaysia mampu mencapai ke puncak pelbagai kegemilangan dan semoga ia akan terus menjana motivasi dalam kalangan anak bangsa, menjadi idola generasi muda dan te-

ladan rakyat Malaysia untuk menempa nama dalam semua bidang agar menggenggam kemanisan kejayaan perjuangan.

Menyentuh pembangunan tamadun, apabila diutarakan hasrat mengangkasa hadarah atau tamadun ia adalah sejajar dengan gagasan Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tentang gagasan Islam Hadhari iaitu pendekatan Islam yang menekankan aspek tamadun, katanya.

Najib berkata, jika diteliti dalam perjalanan membina peradaban 50 tahun negara dan 61 tahun UMNO ternyata jalanjalannya tidaklah terlalu mudah dan tidak juga terlalu sukar.

Beliau berkata, ketika berada di persimpangan, pemimpin negara telah membuat pilihan yang tepat iaitu tidak mabuk kuasa tetapi lebih mengutamakan permuafakatan demi membina negara majmuk ini.

Menurutnya, penyambung warisan iaitu generasi baru kepada pejuang dan rakyat zaman merdeka sedang meneruskan perjuangan untuk 50 tahun kedua pembinaan negara umpama sebuah

larian berganti-ganti yang panjang yang kini berada di tangan kiri dan kanan setiap pemimpin, yang besar atau kecil dalam dewar serta di luar sana.

"Jika saya katakan pewaris pejuang dan pembina peradaban itu adalah kita semua, ya benar, kitalah orangnya; Mamat dan Dollah, Timah dan Joyah, Sabran dan Suparman; Fidah, Hisham dan Ani; Melayu, Cina, India, Kadazan dan Iban.

"Persoalannya, adakah kita sudah bersedia, untuk mendukung amanah menggagas perjuangan mengangkasa tamadun bangsa?" soalnya.

Katanya, membina peradaban memerlukan usaha yang berterusan lantaran itu, minda Melayu perlu dipacu dengan pembelajaran dan latihan mengenai pemikiran positif, kreatif, lateral, proaktif dan inovatif.

Ia dicernakan melalui pengubahan minda Melayu melalui kepimpinan transformasi, bekerja sebagai satu pasukan, menjayakan agenda Melayu, melalui pegangan akidah dan terus membina generasi muda, iaitu resipi untuk kekuatan mental bangsa Melayu Glokal yang berminda kelas pertama.

ahawa umat Melayu boleh
alah bahawa kita boleh
aju dan berjaya untuk
citra dan cita-cita mulia.
n melalui ilmu dan